

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 DISEMBER 2023

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

Teraju distruktur semula tingkat skala pasaran

Teraju distruktur semula, tingkat skala pasaran

Oleh MOHD. HUSNI
MOHD. NOOR
utusannews@mediamulia.com.my

CYBERJAYA: Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) akan distrukturkan semula supaya peranannya lebih terarah dalam meningkatkan skala pasaran syarikat bumiputera.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kementeriannya sedang menyelaraskan kembali fungsi Teraju dalam keseluruhan agenda pemerkasaan ekonomi bumiputera.

Beliau berkata, usaha itu penting bagi memastikan Teraju betul-betul fokus dan peranannya tidak bertindih dengan agensi kerajaan lain.

"Proses ini (penstrukturran)

juga penting kerana ia sebahagian daripada persediaan kepada dasar baharu mengenai bumiputera yang akan dibentangkan pada Kongres Ekonomi Bumiputera tidak lama lagi.

"Kita lihat rekod Teraju sejak dari penubuhannya pada 2011, Teraju ada peranan pelbagai dalam memacu ekosistem ekonomi bumiputera," katanya ketika ditemui pada program SUPERB Networking Day 2023 di sini, semalam.

Rafizi berharap Teraju dapat memainkan peranan utama dalam meningkatkan skala pasaran syarikat bumiputera tidak hanya di pasaran tempatan, sebaliknya ke pasaran serantau dan antarabangsa.

Menurutnya, beliau melihat

skala perniagaan usahawan bumiputera sukar untuk berkembang dan berada pada satu tahap sahaja.

"Salah satu masalah utama dalam ekonomi kita, ada banyak syarikat tetapi berada di peringkat itu sahaja. Malah, untuk naik daripada saiz mikro atau kecil mahu ke sederhana pun payah. Apa lagi mahu jadi sederhana kepada besar.

"Jadi, Kementerian Ekonomi kini sedang bekerjasama dengan Teraju untuk membina keparisan (meningkatkan skala pasaran usahawan) supaya syarikat bumiputera terus berkembang. Kita sedang membangunkan acuan dan program khusus bagi tujuan itu," katanya.

Katanya, acuan dan program

khusus itu akan diumumkan dalam tempoh beberapa bulan akan datang dan sebahagianya dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Kongres Ekonomi Bumiputera nanti.

Ditanya sama ada syarikat bumiputera sedia ada di bawah Teraju akan menerima manfaat baharu itu, Rafizi berkata, syarikat berkenaan akan menjadi sasaran utama, namun ia akan dibuka kepada semua syarikat yang sudah bertapak di pasaran.

"Kita beri ruang sepenuhnya kepada mana-mana usahawan bumiputera yang berdaya maju asalkan mereka mempunyai produk bagus, ada potensi untuk diskalakan dan diterima oleh pasaran," katanya.